



**TAKLIMAT
PROGRAM LATIHAN PEGAWAI
KELESTARIAN UNIVERSITI
PEJABAT HIJAU / DESASISWA
HIJAU**

GREEN OFFICE@USM GREEN DESA@USM

ChM. DR. NORMALIZA BINTI ABDUL MANAF
Pengarah Projek
Pejabat Hijau / Desasiswa Hijau

Towards Sustainable-led University

**Transforming Higher Education for a
Sustainable Tomorrow**

ATURCARA PROGRAM – HARI 1

7 OGOS 2023



MASA	PERKARA
9.30 pg	Pendaftaran peserta
9.00 pg	Taklimat Program
9.30 pg	Minum pagi
10.00 pg	Taklimat 1: Konsep Asas Matlamat Pembangunan Lestari Penceramah: Dr. Normaliza Abdul Manaf, <i>Sekretariat Times Higher Education – Impact Rankings</i>
11.30 pagi	Kata Aluan Profesor Dr. Azlan Amran <i>Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Masyarakat & Kelestarian Institusi</i>
12.00 t/hari	Makan Tengah Hari
2.00 petang	Taklimat 2: Prinsip Perolehan Hijau Penceramah: Cik Nur Annisa Abdul Muttalib, <i>Penolong Bendahari Kanan, Jabatan Bendahari</i>
3.00 petang	Taklimat 3: Kecekapan Sumber Penceramah: Profesor Madya Dr. Mohd Wira Mohd Shafiei, <i>Pengarah, Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS)</i>
4.30 petang	Minum Petang

ATURCARA PROGRAM – HARI 2

8 OGOS 2023



MASA	PERKARA
8.30 pagi	Pendaftaran
9.00 pagi	Taklimat 4: Pengurusan Sisa Penceramah: Profesor Madya Dr. Ng Theam Foo <i>Pensyarah, Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS)</i>
10.00 pagi	Minum Pagi
10.30 pagi	Taklimat 5: Kesihatan dan Keselamatan Staf Penceramah: En. Mohd Hafizul Mohd Arop <i>Ketua Unit, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti (UKKP)</i>
11.30 pagi	Taklimat 6: Penglibatan Staf dan Komuniti Penceramah: En. Ahmad Wafi Sahedan <i>Penyelaras, Kampus Sejahtera</i>
12.30 t/hari	Makan Tengah Hari/Bersurai

ISI KANDUNGAN


CARTA ORGANISASI BJIM & KI

KAMPUS SEJAHTERA

PEGAWAI KELESTARIAN


PEJABAT HIJAU/DESASISWA HIJAU

CARTA ORGANISASI BJIM & KI



CARTA ORGANISASI

- ✓ Pelantikan Pengerusi JK Kelestarian Kampus/ Pegawai Kelestarian disetiap PTJ
- ✓ Sebagai agen kelestarian universiti
- ✓ Pelantikan tempoh 2 tahun



Pengenalan Kampus Sejahtera




'Sejahtera' bermaksud kedamaian, kesejahteraan, ketenangan, keharmonian, kesihatan, keamanan, dan kesenangan hidup (*peace, wellness, tranquility, harmony and health*)

Usaha unik USM dalam menerajui kelestarian di dalam kampus

Merupakan satu rangka kerja yang menggambarkan ekosfera yang menyokong kesejahteraan komuniti di dalamnya

Aktiviti Kampus Sejahtera merangkumi aktiviti pendidikan dan promosi idea-idea kelestarian, pemantauan persekitaran fizikal kampus, kemudahan sosial serta kualiti dan perkhidmatan kesihatan warga USM

Kampus Sejahtera adalah suatu konsep/program yang diperkenalkan pada tahun 2001



Melalui 5 Ciri Utama

- Volunteerism
- Teamwork
- Insourcing
- Research
- Documentation



FRAMEWORK KAMPUS SEJAHTERA USM




Espouses the goal of



6 PASUKAN KS



PEGAWAI KELESTARIAN UNIVERSITI



124 orang



TERMA RUJUKAN – PEGAWAI KELESTARIAN

- a) Bertanggungjawab untuk melantik J/K Kecil Kelestarian di PTJ masing-masing
- b) Merancang dan mengenalpasti aktiviti kelestarian yang boleh dijalankan di PTJ
- c) Mengawal selia dan memantau aktiviti kelestarian di PTJ
- d) Menghadiri latihan berkaitan kelestarian yang disediakan oleh universiti
- e) Memaksimumkan pencapaian USM melalui kepakaran, perancangan, idea dan pelaksanaan aktiviti berkaitan kelestarian
- f) Merangka strategi pengumpulan dan penyediaan data kelestarian
- g) Menyediakan laporan tahunan aktiviti kelestarian PTJ
- h) Terlibat secara langsung sebagai ahli COMBI (*Communication for Behaviourial Impact*)
- i) Pelantikan adalah untuk tempoh 2 tahun.





KONSEP PEJABAT/ DESA HIJAU



Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow

2023 - 2024

Greencampus@usm
Kami Memimpin



01

Pendekatan yang lestari dan mesra alam untuk mereka bentuk dan mengendalikan **ruang pejabat** sama ada di pusat pengajian, pusat Penyelidikan, pusat perkhidmatan dan desasiswa



02

Melibatkan pelaksanaan amalan dan dasar yang **mengurangkan kesan alam sekitar** dalam amalan dan penggunaan seharian di pejabat



03

Antara amalan seharian seperti **mengurangkan penggunaan tenaga, meminimumkan sisa** dan mempromosikan pilihan **pengangkutan yang lestari.**



04

Konsep ini diharapkan membawa **kepada penjimatan kos** serta peningkatan semangat dan produktiviti warga kampus




OBJEKTIF

1. Mengintegrasikan kelestarian ke dalam sistem tadbir urus

universiti bagi mewujudkan persekitaran yang inovatif dan lestari

2. Memindahkan ilmu mengenai amalan-amalan terbaik

kelestarian di tempat kerja dan desasiswa melalui program *GreenOffice* dan *GreenDesa*



3. Memindahkan ilmu kemahiran penyeliaan

berkesan menerusi Audit Kelestarian dalam kalangan Pegawai Kelestarian USM

4. Meningkatkan kesedaran serta kepentingan **amalan lestari** dalam kalangan warga USM

5. **Mengurangkan** keseluruhan **jejak karbon** USM kepada 4 tan/orang menjelang 2025.

Kaedah Pelaksanaan

- ✓ Bengkel pembangunan dan pemurniaan modul latihan dan instrumen audit
- ✓ Taklimat dan bengkel latihan kelestarian dan audit kepada Pegawai Kelestarian Universiti
- ✓ Meningkatkan kesedaran warga kampus berkaitan amalan kelestarian



✓ Menghasilkan booklet – Garispanduan GreenOffice/ GreenDesa

✓ Khidmat nasihat/ bimbingan kepada PTJ

✓ Pelaksanaan pra- audit amalan kelestarian PTJ/Desasiswa

✓ Pelaksanaan audit menerusi amalan kelestarian PTJ/Desasiswa



KRITERIA



Mengamalkan 5 kriteria berikut:

A

Perolehan Hijau

B

Pengurusan Sisa

C

Kecekapan Sumber

D

Kesihatan dan Keselamatan

E

Penglibatan Staf & Komuniti

4 QUALITY EDUCATION



12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION



14 LIFE BELOW WATER



7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY



13 CLIMATE ACTION



15 LIFE ON LAND



6 CLEAN WATER AND SANITATION



9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING



17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS



11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES




6 Modul Latihan dalam menerapkan elemen kelestarian dan SDGs dalam tadbir urus PTJ



6 MODUL

Program pendidikan adalah penting dan menjadi salah satu matlamat pembangunan lestari bagi memastikan kelestarian diintegrasikan ke dalam sistem tadbir urus universiti bagi mewujudkan persekitaran yang inovatif dan lestari





MODUL 1: Konsep Asas Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs)

Peserta akan diberi pendedahan tentang konsep-konsep asas dan penting berkaitan dengan matlamat pembangunan lestari yang selari dengan agenda APEX Universiti Sains Malaysia

Pengenalan kepada Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (SDGs 2030)

- i. Memahami Matlamat Pembangunan Lestari
- ii. Memperkenalkan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan sasaran yang ditetapkan di bawah setiap matlamat.
- iii. Amalan baik/langkah praktikal yang diperlukan dalam melaksanakan SDG.
- iv. Cabaran dan peluang yang berkaitan dalam pelaksanaan SDG.






MODUL 2: Prinsip Perolehan Hijau

Peserta akan diterapkan dengan prinsip dan prosedur perolehan hijau dan langkah-langkah penjimatan yang lestari dalam urusan hal ehwal kewangan

Pembelian Peralatan Pejabat & Alat Tulis yang memenuhi Prinsip Perolehan Hijau

- i. Pilih peralatan cekap tenaga: Beli peralatan pejabat dengan pensijilan 'ENERGY STAR', yang menunjukkan bahawa peralatan tersebut memenuhi garis panduan kecekapan tenaga.
- ii. Gunakan bahan lestari: Pilih alat tulis pejabat dan bekalan yang diperbuat daripada bahan kitar semula, seperti kertas, kartrij pencetak dan perabot pejabat.
- iii. Elakkan produk sekali guna: Pilih produk boleh guna semula seperti cawan kopi, botol air dan bekas makanan untuk dapur pejabat





➤ Modul 3: Kecekapan Sumber

Peserta akan diterapkan dengan amalan pengurusan sumber yang cekap dengan mengambil kira penggunaan sumber yang efisien

Kecekapan Sumber

- i. Kurangkan penggunaan tenaga: Gunakan sistem pencahayaan, pemanasan dan penyejukan yang cekap tenaga, serta galakkan pekerja untuk mematikan lampu dan mencabut peranti apabila tidak digunakan.
- ii. Penjimatan air: Menggalakkan staf dan pelajar melaporkan sebarang kebocoran air.
- iii. Pengangkutan lestari: Menggalakkan staf dan pelajar untuk mengurangkan penggunaan kereta sebaliknya menggalakkan berbasikal atau berjalan kaki dalam kawasan universiti.






➤ Modul 4: Pengurusan Sisa

Peserta akan didedahkan dengan prosedur pengurusan dan pelupusan sisa yang betul serta amalan kelestarian untuk mengurangkan sisa

Pengurusan Sisa

- i. Melaksanakan program pengurangan sisa: Wujudkan program pengurusan sisa yang komprehensif yang merangkumi kitar semula, pengkomposan dan pengurangan plastik sekali guna.
- ii. Sediakan tong kitar semula: Sediakan tong berasingan untuk sisa kertas, plastik dan logam di seluruh pejabat.
- iii. Galakkan pelupusan yang bertanggungjawab: Mendidik pekerja tentang cara membuang sisa berbahaya dan sisa elektronik secara bertanggungjawab.





➤ **Modul 5: Kesihatan dan Keselamatan**

Peserta akan diberi pendedahan terhadap aspek-aspek keselamatan seperti kawalan risiko, kebakaran dan pelupusan bahan berbahaya mengikut prosedur yang betul.

Kesihatan & Keselamatan

- i. Pastikan kualiti udara: Menanam pokok yang boleh meningkatkan kualiti udara pejabat.
- ii. Gunakan produk pembersihan bukan toksik: Pilih produk pembersihan mesra alam yang bebas daripada bahan kimia berbahaya.
- iii. Stesen kerja ergonomik: Sediakan perabot dan peralatan ergonomik untuk mengelakkan kecederaan regangan berulang dan menggalakkan postur yang baik





➤ **Modul 6: Penglibatan Staf dan Komuniti**

Peserta akan diajar teknik untuk merangka aktiviti dan program berkaitan kelestarian dan pelaksanaan yang berkesan

Penglibatan Pekerja & Komuniti

- i. Pendidikan dan kesedaran: Mengadakan sesi latihan dan bengkel tentang amalan hijau dan menggalakkan staf dan pelajar mengamalkan sikap yang mementingkan alam sekitar di tempat kerja, di desasiswa dan di rumah. Ini termasuk latihan tentang amalan penjimatan tenaga, menganjurkan acara hijau dan menyediakan sumber seperti hebahan, poster dan tapak web untuk memastikan staf dan pelajar mendapat maklumat yang sewajarnya.
- ii. Tanggungjawab sosial: Mengambil bahagian dalam aktiviti pembersihan komuniti dan inisiatif hijau lain untuk menyokong amalan lestari di luar pejabat.
- iii. Acara hijau: Anjurkan acara hijau seperti sambutan Hari Bumi atau cabaran kelestarian pejabat untuk memastikan staf dan pelajar terlibat dan bermotivasi.



Fahami Pejabat anda

Ketahui prinsip asas

- ✓ skop kawasan,
- ✓ bilangan staf/pelajar,
- ✓ amalan pengurusan pejabat sedia ada

Senaraikan amalan baik

- ✓ Asas untuk mencapai sasaran
- ✓ Senaraikan perancangan

Tetapkan Dasar, Komitmen dan Sasaran

- ✓ wujudkan dasar dan komitmen bertulis
- ✓ untuk menetapkan sasaran, bangun program dan matlamat
- ✓ pantau kemajuan.




SAY NO
SINGLE USE PLASTIC




Lantik Pegawai Kelestarian

- ✓ Untuk mengingatkan
- ✓ Untuk menjejaki
- ✓ Untuk memantau sataf dan pelajar mengamalkan kelestarian dalam aktiviti harian



Signs

- Switch-off light sign
- Signage reminders to commit to eco-office practices
- Water conservation signs
- Catchy slogan/attractive image near personal computers to remind staff of the eco-office commitment and staff's role







3

Use natural daylight where possible.



KAEDAH PENILAIAN

Syarat Kelayakan Penarafan



Penarafan - 'Leaf Rating'

MARKAH KESELURUHAN (%)



TERIMA KASIH

Small acts when multiplied by millions of people, can transform the world

Howard Zinn

Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow